Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ir Dr Addiv Irawan Ibrahim memberi penerangan mengenai peralatan Mini Heavy Guided Forklift Automotive Guided Vehicle (MHGFAGV) yang mampu mengangkat bahan berat antara 50 kg hingga 60 kg untuk kegunaan industri ketika menerima kunjungan dengan SIKRUN Co LTD (Singapore) dan Sapura Industrial yang melawat UMP bagi meneroka peluang kerjasama dalam pendidikan TVET. (Foto SAHAN/UMP)

UMP lonjak kebolehupayaan TVET aras tinggi

Ubah landskap IPT, perkasakan bidang kemahiran seiring akademik

Oleh Muhamad Fairoz Azizan
muhamadfairoz@bh.com.my

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengorak langkah untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang mempelopori aliran pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) aras tinggi.

Melihat kepada permintaan industri kini yang mahukan pekerja berkemahiran, UMP mengubah landskap IPT itu menjadi sebuah universiti yang melahirkan graduan berakademik dan berkemahiran, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Naib Canselornya, Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata UMP kini berada di landasan yang baik sejak 17 tahun penubuhannya bagi memperkasakan bidang kemahiran seiring dengan akademik.

Jelasnya, UMP diamanahkan untuk menerajui agenda TVET dan menjadi sebuah institusi kemuncak TVET dengan menyediakan semua aliran TVET di universiti itu pada masa depan.

"Kita sudah tawarkan dua program (teknologi dan kejuruteraan teknologi) pada September tahun lalu, dan tahun depan akan ada lagi enam program, termasuk ijazah sarjana muda teknologi akan ditawarkan.

"Bezanya, jurusan kejuruteraan perlu melalui akademik dan 30 peratus praktikal, manakala bagi kejuruteraan teknologi perlu mencapai 50 peratus praktikal dan selebihnya teoritikal yang berasaskan model dari Jerman," katanya pada sesi wawancara bersama media sempena Istiadat Konvokesyen ke-14 UMP di Gambang.

Beliau berkata, graduan kejuruteraan teknologi secara langsung akan terus memenuhi kepertian industri, berbanding graduan kejuruteraan yang perlu memenuhi kepertian penyelidikan dalam industri.

Katanya, walaupun peluang penyelidikan di negara ini masih kurang, namun, UMP cuba untuk memperbanyakkan lulusan dalam sektor pekerja yang boleh melakukan kerja.

"Sarjana Muda Teknologi adalah lulusan yang dikhususkan untuk graduan vokasional dan kemahiran. Syarat masuk mesti ada berkemahiran dan pelajar daripada matrikulasi dan STPM tidak boleh memohon program ini kerana mereka perlu belajar kemahiran dahulu.

> ***Berbanding program kejuruteraan yang perlu menjalani latihan industri selama dua bulan, bidang kejuruteraan teknologi pula enam bulan. Ini bermakna, harapan untuk mereka berada dalam industri adalah kena mahir cara bekerja.***
>
> ***Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff,*** *Naib Canselor UMP*

"Berbanding program kejuruteraan yang perlu menjalani latihan industri selama dua bulan, bidang kejuruteraan teknologi pula paling kurang perlu jalani latihan industri selama enam bulan. Ini bermakna, harapan untuk mereka berada dalam industri adalah kena mahir cara bekerja," katanya.

Wan Azhar berkata, UMP dalam usaha untuk memperkasakan lagi bidang teknologi dan berharap, Kementerian Pendidikan dapat menawarkan kaedah pembelajaran seperti di Jerman yang membenarkan graduan berada di universiti dua hari seminggu dan tiga hari dalam industri.

"Bermaksud, dia tidak bertanti bekerja, sebaliknya akan datang ke universiti untuk dua hari secara teori, manakala tiga hari lagi berada di dalam industri. Kalau kita buat konsep 2+3 ini setiap minggu, itu adalah model yang lebih ideal bagi Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi supaya dia tidak perlu tinggalkan alam pekerjaan.

"Kita akan cuba konsep ini dengan syarikat permotoran, Volkswagen di Pekan dan jika pertimbangan ini berhasil, UMP akan menjadi IPT pertama yang memperkenalkan konsep itu," katanya.

Ketika ini, graduan yang mengikuti program kejuruteraan teknologi perlu berada di universiti selama dua tahun dan setahun dalam industri.

Tambah Wan Azhar, bagi yang ingin menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang teknologi dan teknologi kejuruteraan, akan menggunakan Malaysia Board of Technology sebagai badan pengiktiraf yang melayakkan mereka memperoleh Ts.

"Jika graduan kejuruteraan dianugerahkan Ir, sebaliknya graduan teknologi akan membawa Ts pada pangkat nama mereka. Malah, mereka juga boleh berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan selepas lima tahun, layak menerima Ir.

"Tetapi, tidak bagi graduan kejuruteraan yang hanya mendapat Ir kerana mereka tidak ada praktikal untuk melayakkan mereka mendapat Ts," katanya.

Wan Azhar berkata, UMP dalam usaha untuk memperkasakan lagi bidang teknologi dan berharap, Kementerian Pendidikan dapat menawarkan kaedah pembelajaran seperti di Jerman yang membenarkan graduan berada di universiti dua hari seminggu dan tiga hari dalam industri.

"Bermaksud, dia tidak bertanti bekerja, sebaliknya akan datang ke universiti untuk dua hari secara teori, manakala tiga hari lagi berada di dalam industri. Kalau kita buat konsep 2+3 ini setiap minggu, itu adalah model yang lebih ideal bagi Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi supaya dia tidak perlu tinggalkan alam pekerjaan.

"Kita akan cuba konsep ini dengan syarikat permotoran, Volkswagen di Pekan dan jika pertimbangan ini berhasil, UMP akan menjadi IPT pertama yang memperkenalkan konsep itu," katanya.

Ketika ini, graduan yang mengikuti program kejuruteraan teknologi perlu berada di universiti selama dua tahun dan setahun dalam industri.

Tambah Wan Azhar, bagi yang ingin menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang teknologi dan teknologi kejuruteraan, akan menggunakan Malaysia Board of Technology sebagai badan pengiktiraf yang melayakkan mereka memperoleh Ts.

"Jika graduan kejuruteraan dianugerahkan Ir, sebaliknya graduan teknologi akan membawa Ts pada pangkat nama mereka. Malah, mereka juga boleh berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan selepas lima tahun, layak menerima Ir.

"Tetapi, tidak bagi graduan kejuruteraan yang hanya mendapat Ir kerana mereka tidak ada praktikal untuk melayakkan mereka mendapat Ts." katanya.

Sebagai universiti awam di Malaysia, Wan Azhar berkata, UMP perlu mantap perancangan besar dalam masa lima tahun akan datang agar tidak terlalu bergantung kepada pemudahan kerajaan.

Beliau berkata, dengan penubuhan Yayasan MyCiff UMP yang akan ditawarkan pada Januari tahun depan, syarikat korporat dan swasta boleh menyumbang bagi membantu menggerakkan universiti tanpa perlu dana daripada kerajaan.

"Berbanding IPTA lain, UMP adalah IPTA model dan satu dalam rangkaian universiti teknikal Malaysia (MTUN), bermaksud Kita tidak bermodelkan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya. Kita melahirkan graduan yang berkebolehan bagi meningkatkan kepantasan teknikal negara.

"Kalau dahulu, negara kita tidak pandai menghasilkan robotik, kita kena ada syarikat yang boleh hasilkan robot. Jadi, kita sama laburkan graduan yang ada kemahiran teknikal seperti industri mahukan. Jangan menghargakan universiti ini melahirkan seorang penerima Hadiah Nobel sebab aliran kita berbeza dengan universiti lain," jelasnya.

Menyentuh mengenai penubuhan Asean Center Smart Technologies (ACES) yang sinjati pusat latihan bagi meningkatkan kebolehan negara, beliau berkata, pusat itu akan membuat transformasi pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran manual kepada pengurusan teknologi.

"Kerjasama UMP dan ACES ini adalah berkaitan produk pengkomersialan, program akseleratif 4.0 dan program latihan teknikal dan vokasional.

"Ia akan menjadi sebuah pusat yang menghubungkan agensi kerajaan dan industri serta universiti bagi membakan kemahiran, latihan teknologi pintar dan perundingan terutama berkaitan Revolusi Industri 4.0 dalam pendigitalan dan automasi," katanya.

Menyebut pembangunan sumber manusia pendidikan tinggi dan dunia kesarjanaan semakin penting pada hari ini, UMP menjalin kerjasama dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) bagi melaksanakan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat demi kelangsungan pemantapan penyampaian kerja berprestasi tinggi.

Program perintis itu dilaksanakan melalui pusat penajian sepanjang hayatnya, UMP Advanced Education (UMPA) bagi melahirkan graduan dalam bidang Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CETM).

Menurut Pengarah AKEPT, Profesor Dr Nordin Yahaya, berkata agenda pengurusan dan pemerkasaan bakat kepimpinan adalah penting dalam ekosistem organisasi dan institusi pendidikan tinggi.

"Isinya perlu disemarakkan dengan mempelbagaikan inisiatif yang berkait dengan kepimpinan institusi agar barisan pelapis dapat dikenalpasti di peringkat awal dan usaha pembangunan bakat kepimpinan institusi dapat dilaksanakan dengan lebih terancang, holistik serta mempersiapkan peminpin masa depan universiti berlepas cabaran Industri 4.0," katanya.

Program komprehensif melalui pendekatan pembelajaran teradun (*blended learning*) ini di bawah penyelian Pusat Pemperolian Kepimpinan (CeLP), AKEPT dan UMP sebagai co-supervisor.

Pembelajaran Teradun adalah satu kaedah yang menggabungkan pendekatan pembelajaran mod bersemuka (face to face) dan pembelajaran mod dalam talian (online).

Profesor Dr Nordin Yahaya

***Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff bersama dekanan perjanjian** program dwijazah dengan Dalam Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Mekatronik, Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman, Prof Dr Robert Weiss disaksikan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Mazlee Malik semasa kunjungan rasmi ke Jerman baru-baru ini.*

Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP)

- Seramai 1,963 graduan UMP dalam Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-14 yang berlangsung pada 16 dan 17 November 2019 yang mencatat jumlah tertinggi graduan pada kali ini.
- Tan Sri Dr Ali Mus Asaad Nahrawi Nor dianugerahkan sebagai Pro Canselor UMP.
- Presiden & Timbalan Pengerusi Eksekutif HeiTech Padu Berhad, Datuk Sri Mohd Hilmey Mohd Taib menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Maklumat.
- 36 orang graduan program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik hasil kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman dan program Kejuruteraan Perniagaan dengan Beuthingen University Jerman.
- 35 graduan sulung program Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi hasil kerjasama pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Advanced Education (UMPA) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), KPM.
- Alumni UMP - 36,235

CETM program penting bukan sahaja kepada Pemadhu Universiti, malah semua Komuniti Universiti perlu faham dan ikuti program ini untuk kejakaan kefahaman mengenai kompetensi dan pembangunan bakat. Pengisian program yang pelbagai seperti kajian kes, lawatan, perbincangan dan latihan sangat sesuai serta di harapkan, program ini dapat sambutan untuk pada masa akan datang.

Prof Ts Dr Fauziah Shahbodin, *Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kesarjanaan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)*

Pembelajaran sambil bekerja adalah pengalaman baharu yang membari manfaat secara spesifik kepada tugas dan tanggungjawab ketika saya di UniSZA. Diploma Profesional CETM ini banyak memberi pendedahan dan maklumat yang terkini dalam pengurusan bakat sumber manusia serta meningkatkan jaringan kerja dengan pengurus bakat di universiti awam lain.

Dr Syuzaini Azri Abdul Rahman, *Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)*